




**JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
KEMENTERIAN DIGITAL**

**PANDUAN PEMBATALAN PERAKUAN PENDAFTARAN
PENGAWAL DATA
(GOLONGAN PENGAWAL DATA)**

Dikemas kini pada: 26 Ogos 2025

PANDUAN PEMBATALAN PERMOHONAN



1. Panduan Umum

- Permohonan Pembatalan Perakuan Pendaftaran boleh dikemukakan pada bila-bila masa sepanjang tempoh sijil masih aktif.
- Pemohon juga boleh memohon pembatalan semasa mengemukakan permohonan Pembaharuan Perakuan Pendaftaran dengan disertakan sebab dan dokumen sokongan yang lengkap.
- Permohonan lengkap akan disemak oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi dalam tempoh 7 hari bekerja.
- Pemohon akan menerima emel pemakluman status permohonan melalui emel yang didaftarkan.

2. Permohonan Pembatalan Perakuan Pendaftaran

Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi (PDP) melalui Seksyen Pengurusan Pendaftaran di emel **pendaftaran@pdp.gov.my**.

Permohonan tersebut hendaklah mengandungi:

1. Alasan yang jelas dan munasabah bagi pembatalan, seperti:
 - Penamatan operasi perniagaan;

- Perubahan jenis perniagaan; atau
 - Sebarang sebab lain yang relevan.
2. Sertakan dokumen sokongan yang berkaitan bagi mengesahkan alasan pembatalan.
3. Contoh dokumen sokongan:
- Surat penamatan perniagaan daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - Bukti perubahan jenis perniagaan atau pemilikan
 - Surat rasmi permohonan pembatalan lesen atau perakuan yang dikeluarkan oleh badan kawal selia pengawal data.